

# Pembinaan empat kampus di HPTP lepasi 90 peratus

**ISKANDAR PUTERI 24 April** - Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini diberitahu hingga 31 Mac lalu, pembangunan empat kampus universiti di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) mencatatkan kemajuan sebanyak 94.25 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Md. Jais Sarday berkata, misalnya pembinaan kampus cawangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mencapai kemajuan 97.28 peratus, manakala Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat kemajuan 94.69 peratus.

“Sementara itu, pembinaan Politeknik dan kemudahan guna sama sudah mencatat kemajuan pembangunan 95.95 peratus. Dari pada segi penyediaan asrama, rumah kediaman dan lot perniagaan, pihak Sime Darby sedang melaksanakan pembinaan untuk asrama

**SIDANG DEWAN  
UNDANGAN NEGERI  
JOHOR**



**Laporan ZULHISHAM ISAHAK**

pengarang@utusan.com.my



**MD. JAIS SARDAY**

penuntut yang dijangka siap pada Mei 2017.

“Projek pertama rumah kediaman akan dilancarkan Sime Darby Property selaku pemaju projek pada Mei ini dan pembinaan dijangka mengambil masa 18 hingga 24 bulan termasuk lot-lot perniagaan,” katanya semasa

sesi penggulungan pada sidang DUN, di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mahkota berkata, jadual asal penyediaan projek berkenaan adalah pada 1 Mei tahun depan dan kemasukan pertama penuntut bermula selepas pembinaan siap serta mendapat kelulusan daripada Kementerian

Pendidikan Tinggi.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan negeri menyasarkan penubuhan 70 buah Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop) dan 150 kedai lagi dalam tempoh tiga tahun ini bagi memenuhi keperluan hidup rakyat untuk mendapatkan barang keperluan dengan harga berpatutan.

Menurutnya, imCoop ditubuhkan untuk membantu isi rumah yang berpendapatan RM4,000 ke bawah dan sejak dilancarkan November lalu, tujuh buah kedai berkenaan sudah diwujudkan termasuk di luar negeri ini, iaitu di Pasir Gudang, Kulai, Larkin, Setia Topika dan Paloh, manakala dua lagi di Paroi serta Panchor, Negeri Sembilan.

“Selepas ini kita akan wujudkan di Tenggaroh, Taman Pelangi Indah, Taman Daya, Taman Cendana, Taman Bayu Puteri, Gelang Patah, Pontian dan Kulai Besar,” katanya sambil memberitahu imCoop kini sudah memulakan jualan dalam talian bagi kawasan Johor Bahru projek perintis.